



AJMAL mendengar taklimat daripada juruteknik Astro.

Program 'outreach' kampus Astro berjaya didik pelajar

Mali Mathew

TENOM: Program 'outreach' kampus Astro merupakan satu lagi mekanisme pendidikan bagi pelajar luar bandar untuk mengikuti rancangan Astro melalui pendidikan bergambar yang boleh dijadikan rujukan.

"Kita berharap Astro meneruskan program ini untuk sekolah di luar bandar terutamanya di Rundum," kata Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) Ajmal Jumah, ketika mengulas program 'outreach' kampus Astro yang kini dipamerkan di perkarangan SJK Chung Hwa di sini, Rabu.

Program itu adalah susulan selepas ia dilancarkan di Nabawan beberapa bulan lalu,

di mana selepas ini ia dibarkan pula ke daerah-daerah lain terutamanya kawasan terpencil.

Program ini mempunyai 11 saluran di mana pelajar boleh mengikuti dunia hiburan dan saluran pendidikan.

Ajmal juga berharap, warga pendidik akan terus menjayakan program ini di semua sekolah pedalaman, tidak kira yang ada bekalan elektrik atau sekolah yang bergantung tenaga 'solar.'

"Semua pelajar diberi keutamaan. Fasa rintis tiga sekolah sudah dilaksanakan peringkat awal sebagai percubaan dan kini kita lebarkan pula kepada semua sekolah," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memuji usaha Astro yang bermurah hati menyumbang perkhidmatannya di semua sekolah.

Pegawai Khas Hal Ehwal Komuniti Astro, Isa Ismail berkata, program itu adalah aktiviti Astro untuk seluruh negara tetapi bagi Sabah dan Sarawak mereka lebih menfokuskan sekolah luar bandar.

"Kita sudah memulakan program ini di SMK Sri Nangka Tuaran pada Jun lalu iaitu selepas ia dilancarkan di Nabawan. Kali ini SJK Chung Hwa di sini dan minggu depan akan pindah ke SM Ken Hwa Keningau," katanya.

Isa berkata, program komuniti Astro ini akan diteruskan.